

**Najib Minta Mangsa Banjir Bersabar Hadapi Musibah  
Bernama  
Dec 31, 2014**

TANAH MERAH, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meminta semua mangsa banjir agar bersabar menghadapi musibah banjir yang disifatkan sebagai malapetaka itu.

Najib berkata semoga Allah SWT akan memberikan rahmat kepada mangsa banjir agar reda menerima ketentuannya.

"Banjir kali ini bukan banjir yang biasa tetapi ia merupakan satu bencana besar kepada mangsa dan juga negara.

"Saya dengan itu berharap agar semua yang terjejas banjir ini agar bersabar dan tabah menghadapi dugaan besar ini," katanya ketika memberikan kata-kata semangat sewaktu bertemu penduduk di Taman Maka yang teruk terjejas malapetaka itu.

Najib mengulangi jaminan bahawa kerajaan pusat akan terus membantu penduduk dengan membina rumah sementara dan membaiki kediaman mereka yang rosak.

"Peruntukan sebanyak RM500 juta dan Bantuan Rakyat 1Malaysia yang akan dipercepat di harap dapat membantu meringankan beban mangsa banjir," kata Najib.

Turut hadir mengiringi Najib adalah Pengarah Jawatankuasa Bencana Banjir Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengerusi Biro Kebajikan Umno Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Sebelum itu, Perdana Menteri tiba di padang Majlis Daerah Tanah Merah di sini pada pukul 3.30 petang bagi meninjau kesan banjir di jajahan itu.

Ini adalah lawatan dua hari berturut-turut Perdana Menteri ke Kelantan selepas Gua Musang dan Kuala Krai semalam.

Sebaik tiba dengan helikopter, Najib dan rombongan terus ke Kampung Sat iaitu antara kampung yang teruk terjejas dalam bencana itu.

Najib turut singgah menziarahi keluarga bekas anggota Parlimen Tanah Merah Allahyarham Datuk Hashim Safin di kampung itu.

Perdana Menteri kemudiannya turut singgah di Taman Kiara dan sempat bertanya khabar dengan penduduk di situ.

Dalam bencana itu baru-baru ini, air banjir telah melepasi bumbung rumah penduduk di

situ.

Najib kemudiannya melawat pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Seri Suria untuk melihat keadaan di situ.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097241>